

BAB III

METODOLOGI

Pengenalan

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kebimbangan di peringkat pra-pertandingan bagi atlit Maktab Perguruan Seri Kota yang menyertai KAGUM Zon E. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap kebimbangan di peringkat pra-pertandingan antara atlit lelaki dan wanita yang menyertai kejohanan yang sama. Aspek-aspek lain yang dikaji ialah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya kebimbangan dan di samping itu mengetahui kaedah-kaedah yang sering digunakan oleh atlit Maktab Perguruan Seri Kota dalam menghadapi keadaan kebimbangan di peringkat pra-pertandingan. Oleh itu, di dalam bab ini akan diperbincangkan aspek-aspek seperti berikut:-

Rekabentuk Kajian.

Subjek Kajian.

Instrumen Kajian.

Skor Instrumen Kajian.

Kajian Rintis.

Prosedur Kajian.

Penganalisan Data.

Kesimpulan.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk diskriptif dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengukur tahap kebimbangan di peringkat pra-pertandingan di antara atlit lelaki dan wanita dalam sukan berpasukan. Bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan dan kaedah-kaedah pilihan untuk mengurangkan kebimbangan pra-pertandingan, borang lampiran disediakan dengan responden hanya perlu memilih mana-mana bahagian yang berkaitan sahaja.

Subjek Kajian

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 64 orang atlit yang mewakili Maktab Perguruan Seri Kota dalam Karnival Sukan (KAGUM) Zon E, bagi Sesi 1998.

Sampel terdiri daripada:

1. 32 orang atlit lelaki yang menyertai permainan berpasukan (bola sepak, dan bola tampar) berumur antara 18 hingga 28 tahun.
2. 32 orang atlit wanita yang menyertai permainan berpasukan (bola jaring, dan bola tampar) berumur antara 18 hingga 28 tahun.

Subjek kajian adalah dipilih secara rawak ekstim di kalangan atlit yang mengambil bahagian dalam acara sukan berpasukan di Karnival Sukan KAGUM peringkat Zon E pada 22 Ogos 1998 yang berlangsung di Maktab Perguruan Teknik dan Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras.

Instrumen Kajian

Untuk menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan borang soal selidik 'Sport Competition Anxiety Test' (SCAT) yang direka oleh Martens (1977) hasil adaptasi daripada 'State-Trait Anxiety Inventory' (STAI) yang dikemukakan oleh Spielberger (1970).

Sebelum penggunaan SCAT, ia telah diubahsuai dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dengan cara 'translate re-translate'. Kaedah ini dilakukan dengan memberikan salinan instrumen asal kepada seorang guru yang pakar dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang akan menterjemah instrumen tersebut ke dalam Bahasa Melayu. Langkah seterusnya, instrumen yang telah diterjemah tadi akan diberikan pula kepada seorang lagi guru yang pakar dalam kedua-dua bahasa (Melayu dan Inggeris) untuk diterjemahkan semula ke dalam Bahasa Inggeris dengan tanpa merujuk kepada instrumen asal. Instrumen yang telah diterjemahkan kali kedua tadi dibandingkan dengan instrumen asal untuk diteliti agar tiada perbezaan dari segi maksud oleh kedua-dua orang guru tadi bersama pengkaji sebelum digunakan. (Sila lihat lampiran)

SCAT direkabentuk khas untuk mengukur tahap kebimbangan seseorang atlet dalam situasi pertandingan. Pemilihan instrumen ini adalah bersesuaian untuk kajian yang dijalankan, memandangkan penggunaan yang meluas dalam kajian terhadap kebimbangan di kalangan atlet Amerika dan Eropah.

Borang soal selidik ini adalah 'self administering' dan boleh ditadbirkan sama ada secara individu ataupun kumpulan. Masa untuk menjawab soalan daripada soal selidik ini tidak dihadkan dan biasanya ia boleh diselesaikan dalam masa lima hingga 10 minit. Arahan-arahan yang lengkap, ringkas dan jelas disertakan dalam soal selidik ini.

Skor Instrumen Kajian

SCAT mengandungi 15 item situasi atau soalan di mana setiap item diberikan skor mengikut respon yang dipilih oleh subjek. Hanya 10 item sahaja diuji sebenarnya, iaitu item nombor 2, 3, 5, 6, 8, 9, 11, 12, 14 dan 15, manakala item palsu pula adalah nombor 1, 4, 7, 10 dan 13. Item nombor 2, 3, 5, 8, 12, 14 dan 15 menunjukkan pandangan negatif dan diberi skor seperti berikut:

<u>Respon</u>	<u>Skor</u>
Tidak Pernah	1
Kadang-kadang	2
Selalu	3

Item nombor 6 dan 11 pula menunjukkan pandangan positif dan diberi skor yang songsang (reverse order) iaitu:

<u>Respon</u>	<u>Skor</u>
Tidak Pernah	3
Kadang-kadang	2
Selalu	1

Julat skor adalah di antara 10 hingga 30, di mana skor 10 menunjukkan tahap kebimbangan pertandingan yang rendah dan skor 30 menunjukkan tahap kebimbangan pertandingan yang tinggi.

Bagi borang soal selidik yang digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan di peringkat pra-pertandingan dan kaedah-kaedah untuk mengurangkan kebimbangan pra-pertandingan, skor diberi melalui peratusan pemilihan jawapan. Perbandingan akan dilakukan berdasarkan peratusan pemilihan jawapan subjek.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, kajian rintis telah dijalankan ke atas subjek lain dan sebahagian daripada subjek sebenar. Kajian rintis telah dijalankan pada 9 Jun 1998 ke atas 30 orang subjek lelaki dan wanita yang mewakili kuliah masing-masing dalam Karnival Sukan Maktab Perguruan Seri Kota, 1998. Subjek yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dalam sukan berpasukan iaitu, bola sepak, bola jaring dan bola baling. Soal selidik ini telah diberikan kepada subjek yang terpilih secara berasingan dua hari sebelum pertandingan iaitu ketika waktu rehat atau belajar sendiri (bs) bertempat di perpustakaan Maktab Perguruan Seri Kota.

Tujuan penyelidik menjalankan ujian rintis adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman subjek menjawab soalan-soalan yang disenaraikan dalam borang soal selidik yang telah diubahsuai ini. Antara masalah yang telah dikenalpasti ialah kesukaran subjek memahami soalan yang berbentuk terbuka ('open ended').

Penyelidik telah mengambil langkah memperbaiki soal selidik yang bakal digunakan dengan memurnikan lagi soalan dan arahan bersama beberapa orang rakan sekerja yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan.

Selain daripada itu, disebabkan tiada temu janji dan tidak mahu mengganggu kuliah subjek yang bakal dikaji, penyelidik terpaksa menunggu dan kemudian mencari subjek yang mungkin tidak berkesempatan memasuki perpustakaan untuk diberikan soal selidik. Masalah ini mungkin boleh diatasi sekiranya penyelidik dapat memaklumkan kepada subjek lebih awal dan meminta mereka berkumpul di dewan atau perpustakaan pada masa tertentu agar ujian dapat dijalankan secara serentak dan lebih teratur.

Hasil kajian rintis mendapati, Min = 20.8, Mod = 18, Median = 20, Minimum = 14, Maksimum = 29. Pada keseluruhannya didapati tahap kebimbangan pertandingan subjek yang dikaji adalah pada paras yang sederhana. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan tahap kebimbangan pertandingan yang signifikan antara atlet lelaki dan wanita di peringkat dua hari sebelum pertandingan. Daripada respon yang diperolehi, penyelidik telah mengambil langkah menyemak, mengkaji dan memperbaiki kelemahan yang wujud setelah merujuk kepada mereka yang berpengalaman dalam bidang berkenaan.

Prosedur Kajian

Prosedur pengumpulan data dan maklumat bagi penyelidikan ini adalah seperti berikut:

Borang soal selidik yang bertujuan menguji tahap kebimbangan atlit di peringkat pra-pertandingan telah diberikan kepada subjek setengah jam sebelum pertandingan. Selain daripada penyelidik sendiri, penyelidik juga telah melantik enam orang pembantu yang di beri tanggungjawab untuk mengedar dan mengumpul semula borang soal selidik daripada subjek.

Ini bertujuan untuk mengatasi masalah pertandingan yang berlangsung serentak dan tempat pertandingan yang letaknya agak berjauhan antara satu sama lain. Arahan dan tunjuk ajar telah diberikan kepada pembantu sebelum menjalankan tugas untuk memastikan proses pentadbiran soal selidik dilaksanakan dengan baik dan terkawal. Borang soal selidik dikutip semula sebaik sahaja responden selesai melengkapkannya.

Penganalisaan Data

Bedasarkan maklumat-maklumat daripada soal selidik yang telah ditadbirkan, data tersebut dikumpul dan dikodkan. Selepas itu, soal selidik telah dipindahkan ke borang koding (coding sheets) untuk memudahkan kemasukan data ke dalam komputer. Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan perisian komputer 'Statistical Packages For The Social Sciences' (SPSS).

Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik infrensi. Statistik deskriptif yang menghasilkan kekerapan, peratusan dan min adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian 1, 3 dan 4. Manakala statistik infrensi yang berbentuk ujian-t digunakan untuk menjawab soalan kajian yang ke 2.

AS10716095

Di samping itu, julat skor SCAT mengikut tahap kebimbangan pertandingan adalah seperti berikut:

<u>Skor</u>	<u>Tahap</u>
10 - 16	Rendah
17 - 23	Sederhana
24 - 30	Tinggi

Bagi mengenalpasti faktor-faktor penyebab dan kaedah-kaedah mengurangkan kebimbangan di peringkat pra-pertandingan, skor diberi melalui peratusan pemilihan jawapan untuk dibuat perbandingan.

Kesimpulan

Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang telah dijalankan. Aspek yang telah dibincangkan ialah reka bentuk kajian, subjek kajian, instrumen, skor instrumen kajian, kajian rintis, prosedur kajian dan penganalisan data.

Kajian ini adalah suatu kajian deskriptif yang menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini tertumpu kepada satu populasi guru pelatih (atlit) dari Maktab Perguruan Seri Kota yang terlibat dengan permainan sukan berpasukan dalam Karnival Sukan KAGUM Zon E.

Item-item yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu oleh orang yang pakar dalam dwi bahasa seperti yang dinyatakan. Satu kajian rintis telah dijalankan bagi memastikan soal selidik yang

digunakan mempunyai maksud dan maklumat yang diperlukan untuk dijadikan instrumen kajian.

Maklum balas subjek yang diperolehi daripada jawapan soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap kebimbangan subjek di peringkat pra pertandingan, membuat perbandingan antara subjek lelaki dan wanita serta menentukan faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan dan kaedah-kaedah untuk mengurangkannya.